

19.5.2026  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**PBAPP MENYELESAIKAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECEMASAN PAIP 54”  
PECAH DI BUTTERWORTH; 90% PEMULIHAN BEKALAN AIR DIJANGKA  
MENJELANG JAM 8.00 MALAM**

- **Lokasi: Taman Pandan, Jalan Raja Uda, Seberang Perai Utara (SPU).**
- **Kerja-kerja pembaikan paip telah disiapkan pada jam 12.00 tengah hari tadi, dengan pemulihan bekalan air sedang berlangsung secara berperingkat di kebanyakan kawasan terjejas.**

PULAU PINANG, Selasa, 19 Mei 2026: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah berjaya menyelesaikan kerja-kerja pembaikan kecemasan bagi paip bekalan air terawat 54” yang pecah di Jalan Raja Uda, Butterworth. Pemulihan bekalan air kini menunjukkan perkembangan positif di kebanyakan kawasan terjejas, dengan kira-kira 90% pemulihan dijangka dicapai menjelang jam 8.00 malam ini. Bagi kawasan penghujung sistem paip agihan (*end-of-line*) dan kawasan tanah tinggi, proses pemulihan masih berjalan secara berperingkat.

Susulan siapnya kerja-kerja pembaikan dan kimpalan petang tadi, semua injap berkaitan telah dibuka semula bagi memulihkan aliran air normal ke kawasan-kawasan yang terjejas.

Bekalan air telah kembali pulih di banyak kawasan terjejas di Seberang Perai Utara (SPU) dan sebahagian kawasan di bahagian pulau, Pulau Pinang, dengan proses pemulihan terus berjalan secara progresif. Penyaluran air terawat ke bahagian pulau juga telah ditingkatkan melalui saluran paip dasar laut bagi mempercepatkan proses pemulihan dan menyokong usaha pemulihan bekalan air yang sedang dijalankan.

Injap-injap utama berikut telah dibuka sepenuhnya bagi memudahkan proses penormalan bekalan air:

- a) Injap 1350mm di Lebuhraya BORR Sungai Puyu
- b) Injap sambungan 1350mm x 600mm di Jalan Raja Uda
- c) Injap 1350mm x 600mm di Jalan Raja Uda di hadapan RHB Bank

PBAPP menjangkakan proses pemulihan bekalan air akan lebih baik sepanjang malam ini. Walau bagaimanapun, pengguna di kawasan penghujung sistem paip agihan dan kawasan tanah tinggi mungkin mengalami tempoh pemulihan yang sedikit

lebih lama.

Kerja-kerja pembaikan kecemasan ini perlu dilaksanakan selepas kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) telah menyebabkan kerosakan pada paip bekalan air terawat 54” semasa menjalankan kerja-kerja bagi Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau Mak Mandin dan Pembinaan Rangkaian Paip Pembedungan Dalam Kawasan Tadahan Butterworth, Pulau Pinang berhampiran tapak berkenaan pada Sabtu lalu. Insiden tersebut telah menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual (UWSI) yang menjejaskan hampir 235,000 pengguna di kebanyakan kawasan di SPU serta beberapa kawasan di Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) di bahagian pulau.

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku dan mengucapkan terima kasih kepada semua pengguna terjejas atas kesabaran, kefahaman dan kerjasama sepanjang proses pembaikan dan pemulihan bekalan air ini.

Sekian, terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Emel : [comms@pba.com.my](mailto:comms@pba.com.my)